



KETUAI ... Mohd Harun (depan sekali) ketika mengetuai 581 graduan UMS-KAL pada majlis Perarakan Berjubah UMS-KAL 2012 di Dataran Labuan, pagi kelmarin.

NSR 14/10/2012 6

581 graduan UMS-KAL sertai perarakan berjubah

LABUAN: Seramai 581 graduan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) menyertai Perarakan Berjubah Graduan 2012 sempena Majlis Konvokesyen UMS ke 14 yang akan diadakan di kampus induk UMS Kota Kinabalu pada 20 hingga 22 Oktober ini.

Mereka terdiri daripada 461 graduan Sekolah Perniagaan Kewangan dan Antarabangsa (SPKAL) dan 120 graduan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) yang berarak memakai pakaian jubah konvokesyen sejauh hampir 0.5 kilometer dari Bangunan Manara Perbadanan Labuan menuju ke Dataran Labuan.

Majlis yang penuh bersejarah itu diketuai oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr Mohd Harun Abdullah yang diiringi oleh Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Ahli-Ahli Senat, para pensyarah dan wakil graduan dari lapan buah program yang ditawarkan di UMS-KAL.

Sementara itu, Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Yunus Kurus dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Amir On Mustapha adalah antara pemimpin tempatan yang menyaksikan upacara tahunan UMS-KAL itu.

Datuk Dr Mohd Harun Abdullah ketika berucap berkata, majlis yang diadakan setiap tahun itu adalah bertujuan untuk menyampaikan 'mohon keizinan' dan memperakukan graduan UMS-KAL sebagai warga Wilayah Persekutuan yang menjadi acara simbolik penyerahan graduan universiti kepada komuniti setempat.

"Upacara ini juga secara tidak langsung turut menyemai semangat kekitaan, persahabatan dan kerjasama antara warga universiti dengan masyarakat tempatan" katanya. — **OLEH JAIN-UDIN DJIMIN**